

SOALAN NO: 22

media yang hadir dalam usaha untuk mewujudkan satu majlis yang bermanfaat bagi kedua belah pihak.

Pada masa ini semua media di Malaysia diberikan hak dan kebebasan untuk menyuarakan pandangan mengenai pelbagai perkara selagi ia tidak melanggar Perkara 10 dalam Perlembagaan Persekutuan, Agama, Nilai dan Etika serta keharmonian kaum dan keselamatan negara. Sebagai bukti bahawa sifat liberal dan pematuhan hak-hak asasi bersuara terlaksana dengan baik di negara ini, semua parti pembangkang di Malaysia bebas menerbitkan akhbar masing-masing tanpa sebarang sekatan dan dalam masa yang sama portal berita di alam siber diberikan ruang yang bebas untuk mengutarakan pendapat dan maklumat mengenai pelbagai perkara. Sebahagian besar daripada mereka berpandukan kepada suara-suara daripada pihak pembangkang.

Kerajaan sendiri telah mengambil beberapa langkah signifikan ke arah menjamin kebebasan media di negara ini termasuk memansuhkan keperluan untuk memperbaharui permit penerbitan setiap tahun. Manakala kuasa Menteri Dalam Negeri untuk menyekat atau menarik balik permit sesuatu penerbitan pula adalah tertakluk kepada semakan kehakiman.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA: Y.B. DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI
SHEIKH FADZIR
[KULIM BANDAR BAHRU]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Dato' Abd. Aziz bin Haji Sheikh Fadzir [Kulim Bandar Baharu] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan tahap keberkesanan program penubuhan Universiti Apex yang diiktiraf oleh Kerajaan sebelum ini dan berapakah jumlah pelajar dari luar yang belajar di IPTA tempatan mengikut negara dan bidang kursus diambil.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan program *Accelerated Programme for Excellence (APEX)* di Universiti Sains Malaysia (USM) selama lima (5) tahun iaitu dari tahun 2008 hingga 2013. Jika dilihat dari segi pencapaian, ternyata program APEX Fasa I (2008-2013) telah mengubah landskap USM sebagai sebuah universiti sama ada dalam hal-hal berkaitan penyelidikan, penerbitan, pelajar dan program-program yang melibatkan golongan terkebawah. Contohnya dari segi geran penyelidikan dalam tempoh 2004 hingga 2008 USM telah memperolehi 2,717 geran penyelidikan baharu berbanding tempoh yang sama dalam program APEX Fasa I (2009-2013) sebanyak 4,897 geran penyelidikan baharu iaitu peningkatan sebanyak 80%. Manakala penerbitan dalam journal berindex (ISI/SCOPUS) dalam tempoh 2004 hingga 2008 sebanyak 3,392 telah diterbitkan dan meningkat kepada 10,464 semasa program APEX (2009-2013) iaitu peningkatan sebanyak 209%.

Manakala dari segi pelajar ijazah lanjutan (sarjana dan PhD) pula, jumlah pendaftaran sehingga 2008 adalah seramai 7,801 orang dan meningkat kepada 12,097 orang pada tahun 2012 iaitu peningkatan sebanyak 55%. Manakala jumlah pelajar ijazah lanjutan

yang bergraduan juga telah meningkat sebanyak 44% iaitu daripada 5,635 orang (2004-2008) kepada 8,113 orang (2009-2013). USM juga telah berjaya meningkatkan jumlah graduan PhD daripada 521 orang (2004-2008) kepada 1316 orang (2009-2013) iaitu peningkatan sebanyak 152%.

Selain itu, pelajar ijazah pertama yang bergraduan dengan CGPA 3.5 dan ke atas juga telah meningkat dari 7.0% kepada 12.5% daripada jumlah keseluruhan graduan. Dari segi *patents filed* dan *granted* juga berlaku peningkatan yang positif. Dalam tempoh 2004 hingga 2008 jumlah *patents filed* yang berjaya didaftarkan adalah 40 dan 34 *granted*. Jumlah ini meningkat kepada 287 *patents filed* dan 35 *granted* dalam pelaksanaan APEX Fasa I iaitu peningkatan sebanyak 617%.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, jumlah pelajar dari luar yang belajar di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) tempatan adalah seramai 28,837 orang pada tahun 2013. Jumlah mengikut lima (5) negara tertinggi di IPTA adalah Iran sebanyak 5,009 orang, diikuti Indonesia sebanyak 3,938, China sebanyak 2,382 orang, Iraq sebanyak 1,853 orang dan Yemen sebanyak 1,726 orang. Bidang pengajian utama mereka pula adalah seperti bidang Sains Sosial, Perniagaan dan Perundangan seramai 8,505 orang, diikuti bidang Kejuruteraan, Pembuatan Dan Pembinaan seramai 7,285 orang, Sains, Matematik Dan Komputer seramai 5,398 orang, Sastera Dan Kemanusiaan seramai 3,619 orang, Pendidikan sebanyak 1,653 orang, Kesihatan Dan Kebajikan sebanyak 1,240 orang, Program Asas seramai 444 orang, Pertanian Dan Veterinar seramai 383 orang dan Perkhidmatan seramai 310 orang.